

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4( )

**MINIT MESYUARAT PENUH BULANAN  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 04 TAHUN 2018**

**Tarikh** : 25 April 2018 (Rabu)  
**Masa** : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil.04/2018. Beliau mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Ahli Majlis yang hadir dan kehadiran adalah melebihi 1/3 walaupun dalam musim pilihanraya. Seterusnya Puan Yang Dipertua memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**2.1 PEMBENTANGAN DRAF PENYATA KEWANGAN MPSJ BAGI  
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Puan Yang Dipertua memaklumkan draf Penyata Kewangan MPSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 akan dibentangkan hari ini kepada ahli mesyuarat.

Pembentangan ini dilaksanakan pada mesyuarat kali ini setelah melalui beberapa proses semakan kewangan di peringkat Majlis. Apa yang perlu dilihat adalah kedudukan kewangan Majlis pada tahun lepas dan bagaimana kita dapat memperbaiki kedudukan tersebut pada tahun ini.

## **2.2 RENTETAN PROGRAM MAJLIS YANG LEPAS**

Puan Yang Dipertua memaklumkan Majlis akan membuat pembentangan bergambar bagi program-program yang lepas agar dapat dikongsi bersama rentetan sepanjang program.

### **i) KARNIVAL SEMINAR BAZAR RAMADAN MAMPAN MPSJ 2018**

MPSJ telah melaksanakan program tersebut pada 17 – 19 April 2018 bertempat di Dewan Serbaguna Puchong Indah. Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa apa yang Majlis laksanakan adalah berbeza dengan PBT yang lain.

Taklimat Bazar Ramadan biasanya pemberitahuan kepada peniaga-peniaga bazar terhadap syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Walau bagaimanapun, pada kali ini Majlis telah membuat penambahbaikan dengan melaksanakan peningkatan keupayaan kepada peniaga-peniaga dengan membawakan ikon-ikon usahawan berjaya seperti Chef Dato' Ismail yang dahulunya bermula dari perniagaan kecil pasar

malam sehingga berjaya membuka restoren dan menjadi chef terkenal dengan berkongsi disiplin yang telah dilalui dari segi pengurusan kewangan, pengurusan diri dan kualiti makanan sehingga beliau berjaya.

Majlis juga telah berjaya mendapat beberapa penajaan dan kolaborasi daripada penaja-penaja luar seperti berikut :

- i) Syarikat Shinsegae Mamee Sdn Bhd – menaja sebanyak RM150,000.00 dalam bentuk jemputan penceramah, demo masakan dan barangan.
- ii) Syarikat Marigold – memberikan tawaran produk susu pekat manis kepada peniaga dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran.
- iii) Maybank SME Banking – mempromosikan QR Payment / e-payment kepada peniaga. Puan Yang Dipertua memaklumkan peniaga di kawasan MPSJ menyambut baik dan bersedia menerima serta menggunakan teknologi pembayaran tanpa tunai dalam urusan perniagaan mereka. Teknologi ini juga sering disebut oleh Menteri Besar Selangor supaya peniaga-peniaga kecil maju ke hadapan dan MPSJ merupakan PBT terawal yang telah mempromosikan teknologi ini di kalangan peniaga bazar Ramadan dan pasar malam kawasan MPSJ. MPSJ mempunyai satu jalinan yang kuat antara peniaga menerusi J3P dan ini merupakan nilai tambah kerana kerjasama antara mereka menjadi lebih baik dan keinginan untuk menambahbaik diri

sendiri datang dari pihak peniaga sendiri. Diharapkan pasar malam dan bazar Ramadan MPSJ boleh dijadikan satu produk pelancongan.

- iv) KPMC Puchong Specialist Centre – menyediakan perkhidmatan suntikan Anti Typhoid dengan kadar harga yang lebih rendah kepada peniaga dan pembantu.

Gambar sepanjang program seperti di paparan.

**GAMBAR SEPANJANG PROGRAM**



**GAMBAR SEPANJANG PROGRAM**



**GAMBAR SEPANJANG PROGRAM**



**GAMBAR SEPANJANG PROGRAM**



## 2.3 PROGRAM MAJLIS AKAN DATANG

### i) PROGRAM RAKAN MASJID – IMARAH RAMADHAN SECARA ‘SMART PARTNERSHIP’ ANTARA MPSJ DAN JAWATANKUASA MASJID / SURAU

MPSJ akan mengadakan Program Rakan Masjid seperti butiran di berikut:

**Tarikh : 17 Mei hingga 12 Jun 2018**

**Lokasi : Zon Subang Jaya, Zon Puchong dan Kinrara,  
Zon Seri Kembangan dan Zon Serdang**

Sempena bulan Ramadhan ini, MPSJ mencadangkan beberapa program bagi mendekatkan diri golongan remaja dengan amalan murni yang perlu dilakukan sempena bulan yang mulia ini.

Objektif program adalah :

- i) Mengimarahkan masjid di bulan Ramadhan yang mulia ini dengan aktiviti bertadarus dan menanamkan rasa cinta kepada Al-Quran dikalangan peserta.
- ii) Memupuk dan mendekatkan golongan remaja dengan Rumah Allah supaya hati mereka sentiasa terpaut dengan Masjid.
- iii) Melahirkan generasi yang cemerlang dan berguna di dunia serta akhirat.

Program ini adalah selari dengan **Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 (pindaan 1/2013)** khususnya yang telah digariskan menerusi **Teras 5 : Pembentukan Masyarakat Madani, Strategik 2 : Memupuk Semangat Cintakan Perbandaran** melalui **Pelan Tindakan : Pendidikan dan Kesedaran**.

Aktiviti yang dirancang meliputi :

- Solat Dhuha, Tadarus Al-Quran, Berbuka Puasa, Kuliah Ramadhan dan Qiamullail.

**Nama lokasi** : **Zon Subang Jaya**

<b>BIL</b>	<b>NAMA SURAU/MASJID</b>	<b>JKP</b>
i.	Masjid Darul Ehsan Jalan SS15/2E	Zon 1
ii.	Masjid Al Irsyad Persiaran Subang Mewah, USJ 1	Zon 4

**Nama lokasi** : **Zon Puchong & Kinrara**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SURAU/MASJID</b>	<b>JKP</b>
i.	Masjid Al Madaniah, USJ 18	Zon 6
ii.	Surau Nurul Ehsan Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16	Zon 6

**Nama lokasi** : **Zon Seri Kembangan**

<b>BIL</b>	<b>NAMA SURAU/MASJID</b>	<b>JKP</b>
i.	Surau Al Husna, Taman Universiti Indah	Zon 21
ii.	Surau Al Faizun Seksyen 5, Taman Bukit Serdang	Zon 22

**Nama lokasi** : **Zon Serdang**

<b>BIL</b>	<b>NAMA SURAU/MASJID</b>	<b>JKP</b>
i.	Masjid Kampung Sri Aman, Lorong Aman 3, Kampung Sri Aman	Zon 12
ii.	Surau Raayah Jalan 1/3, Taman Puchong Permai, Serdang	Zon 14

## ii) Bengkel Bandar Hijau Mesra Wanita

MPSJ telah merancang untuk melaksanakan program bagi mengadakan bengkel Bandar Hijau Mesra Wanita pada bulan Mei 2018 dan cadangan tarikh adalah selepas pilihanraya. Yang Dipertua berharap apabila jemputan diedarkan ahli-ahli mesyuarat dapat menghantar wakil-wakil yang boleh memberi input kepada Majlis untuk menjadikan Bandar Hijau Mesra Wanita ini sebagai satu kenyataan. Objektif bengkel ini adalah mengeluarkan satu pelan tindakan bagi tahun 2018-2020 untuk 2 program iaitu Program *Low Carbon City* dan Program Bandar Mesra Wanita.

### 3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 03/2018

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 29 Mac 2018 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

### 4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

### 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

#### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 04/2018 bertarikh 3 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.1 & m/surat	Encik Chang Kim	Status Terkini Pengenaan Caj GST di MPSJ.	Beliau ingin tahu apakah status terkini dan pandangan pakar

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	3	Loong		<p>berkenaan perkara tersebut?</p> <p><b>Maklum balas :</b> Puan Yang Dipertua memaklumkan MPSJ telah merujuk kepada Malaysian Association of Tax Accountants (MATA) berhubung perkara ini dan satu pandangan bertulis akan diberikan kepada MPSJ. Kerajaan Persekutuan telah menetapkan selepas daripada 1 Oktober 2018, Pihak Berkuasa Tempatan secara automatic akan terbatal pendaftarannya sebagai badan yang mengenakan GST.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 7/2018 bertarikh 4 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 dan 3.2 & m/surat 3 & 8	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Permohonan Serentak Pelan Bangunan + Pelan Landskap untuk Lembah Penchala Sdn. Bhd.	<p>Beliau ingin penjelasan adakah pembinaan penaiktarafan jalan dilaksanakan secara serentak ataupun terlebih dahulu daripada pemajuan itu dijalankan. Bagi mengelakkan impak negatif terhadap trafik setelah pemajuan dilaksanakan, dicadangkan supaya penambahbaikan dilaksanakan sebelum pelaksanaan projek bermula.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan berdasarkan penerangan daripada Pengarah Kejuruteraan, bagi penyelesaian jangka masa pendek pihak pemaju telah menaiktaraf jalan daripada persimpangan bertingkat dan lampu isyarat telah dilaksanakan. Hasil pemantauan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>mendapati keberkesanannya pada waktu ini dilihat sebagai positif dimana terdapat penambahbaikan terhadap aliran trafik di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, ini belum mengambil kira peningkatan trafik yang bakal dijana selepas daripada pemajuan ini dijalankan. Bagi penyelesaian masalah jangka masa panjang, pihak Lembah Pencala Sdn. Bhd. telah disyaratkan untuk membina u-turn di atas lebuhraya Damansara Puchong yang mana ia akan berkongsi bersama pemaju-pemaju yang berdekatan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2018 bertarikh 18 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 04/2018 bertarih 9 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.4 & m/surat 14	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Kertas Makluman Senarai Nama Pegawai Kawasan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ 2018/2019	Beliau ingin penjelasan adakah pegawai kawasan JKP ditempatkan di kawasan tersebut sepenuh masa atau tidak?  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Pegawai Kawasan JKP bukan Pegawai Khas. Mereka merupakan pegawai Majlis yang dinamakan sebagai <i>liason</i> dan tidak ditempatkan di kawasan tersebut sepenuh masa. Pihak Majlis sebolehnya melantik pegawai yang tinggal berhampiran kawasan JKP tersebut supaya mereka lebih prihatin terhadap perkara yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				berlaku di kawasan JKP tersebut. Fungsi Pegawai Kawasan JKP adalah sama seperti fungsi pembantu Ahli Majlis iaitu mereka boleh menyampaikan aduan dan permasalahan yang berlaku di kawasan tersebut .  <b>Makluman</b>

#### 5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 04/2018 bertarikh 10 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 04/2018 bertarikh 11 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 1.2 & m/surat 5	Encik Chang Kim Loong	Larangan Penggunaan Kemudahan Dewan Serbaguna / Dewan Orang	Beliau inginkan penjelasan lanjut berkaitan larangan tersebut.  <b>Maklum balas :</b>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
			<p>Ramai / Ruang Terbuka dan Kawasan Lapang di PBT kepada Parti Politik Bagi Pilihanraya Umum ke-14</p>	<p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kita perlu mendahulukan kepentingan rakyat daripada kepentingan parti politik. Walau bagaimanapun, pihak Majlis berpandangan sekiranya penggunaan tidak menidakkan kepentingan serta menjejaskan hak rakyat, pihak Majlis akan menimbangkan kelulusan penggunaan tersebut. Tetapi sekiranya pihak Majlis mendapati kegunaan tujuan politik telah menidakkan hak atau kepentingan rakyat, tindakan berhak diambil.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

## 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 04/2018 bertarikh 12 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.11 & m/surat 12	Encik Chang Kim Loong	Permohonan bagi mendapatkan kelulusan pengurangan fi penyediaan perjanjian terhadap pelantikan peguam bagi kadar fi guaman yang kurang daripada RM 10,000.00	Beliau inginkan penjelasan berkaitan perkara tersebut : i) Isu mengenai penyediaan perjanjian terhadap perlantikan firma guaman, fi tidak dikenakan. ii) Peguam perlu dikecualikan daripada menandatangani perjanjian  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara yang dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan adalah perkara yang berhubung dengan fi dan ianya tidak menyentuh kepada isu tandatangan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>peguam. Secara dasar, sekiranya perkara ini difahami tentang tanggungjawab professional apabila mereka menerima lantikan adalah diliputi oleh <i>code of professional conduct</i> dan juga kontrak. Jelas disini pihak Majlis dilihat lebih berhati-hati dengan mewujudkan perjanjian dilaksanakan. Pihak Majlis akan melihat semula sekiranya terdapat keperluan yang tidak diliputi oleh <i>professional conduct</i>. Kajian secara lanjut akan dibuat terhadap keperluan perjanjian kontrak yang diwujudkan antara peguam dengan pihak Majlis.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Undang-Undang</b></p>

## 5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Bil. 03/2018 bertarikh 13 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan Bil. 04/2018 bertarikh 19 April 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 10 (x) & m/surat 15	Encik Pooi Weng Keong	Permohonan tambahan aktiviti The Flame Group Sdn. Bhd.	Beliau inginkan penjelasan terhadap penolakan tersebut kerana lokasi adalah di kawasan komersial. Dimaklumkan permohonan penambahan aktiviti hanyalah two piece band sahaja.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua memaklumkan permohonan asal adalah penambahan aktiviti live music / live band dan bukannya two piece band. Permohonan ini juga tidak mendapat



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>sokongan daripada Ahli Majlis kawasan kerana dikhuatiri mendatangkan kacauganggu disebabkan berdekatan kawasan kediaman dan kolej.</p> <p>Pihak pemohon perlu mengemukakan surat rayuan beserta akujanji terhadap permohonan penambahan aktiviti two piece band sahaja untuk dibincangkan dan diputuskan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan akan datang.</p>

## **6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN**

### **6.1 PEMBENTANGAN DRAF PENYATA KEWANGAN MPSJ BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

-----

Draf Penyata Kewangan MPSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah dibentangkan oleh Encik Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Perbendaharaan. Setelah meneliti dan berbincang,

mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan draf penyata kewangan MPSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

## 6.2 KERTAS CADANGAN GARIS PANDUAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS MPSJ DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN MPSJ (KOMPLEKLS 3K), SS13, SUBANG JAYA

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Puan Rubaizah binti Mohamed Noh, Timbalan Pengarah Pembangunan Kemasyarakatan. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** untuk menerima pakai Garis Panduan Pusat aktiviti Warga Emas di Kompleks Kemudahan Kemasyarakatan MPSJ (Kompleks 3K), SS13 Subang Jaya.

## 6.3 NOTIS USUL – PENGURANGAN BEBAN PENGHUNI KEDIAMAN BERSTRATA KOS SEDERHANA RM250,000.00 DAN KE BAWAH

Usul ini telah dibentangkan oleh Cr Chang Kim Loong, Ahli Majlis MPSJ. Setelah meneliti dan berbincang, pandangan Ahli Majlis adalah seperti berikut :

BIL	AHLI MAJLIS	PANDANGAN / CADANGAN
1.	TPr. Hj. Jaber bin Ami	<b>Pendapat : Perlu dikaji</b> Beliau meminta pihak Majlis melihat pendapatan yang tidak akan diterima sekiranya usul ini diterima. Pengurangan seumpama ini juga boleh menyebabkan pihak JMB atau MC mengambil peluang serta kesempatan sehingga menyebabkan matlamat asal usul tidak dapat dicapai dan peruntukan tidak sampai kepada golongan sasaran.

<b>BIL</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>	<b>PANDANGAN / CADANGAN</b>
2.	Encik Tai Cheng Heng	<b>Pendapat : Bersetuju</b> Pembinaan perumahan berstrata merupakan tren pembangunan yang banyak di masa akan datang. Pihak Majlis perlu membantu golongan pertengahan dengan pemberian rebat atau kaedah yang sesuai.
3.	Dr. Mahendran a/l V Markandoo	<b>Pendapat : Bersetuju</b> Beliau menyokong usul ini untuk status pembinaan berstrata kos sederhana iaitu nilai kurang RM250,000 sahaja. Pengurangan cukai atau pemberian pulangan rebat cukai taksiran akan memberikan <i>win-win situation</i> kepada mereka.
4.	Encik Wan Hock Leong	<b>Pendapat : Bersetuju</b> Beliau menyokong usul ini untuk dilaksanakan.
5.	Encik Pooi Weng Keong	<b>Pendapat : Bersetuju</b> i) Beliau menyokong usul ini tetapi perlu dibuat kajian terperinci berkaitan kaedah pelaksanaan dan pilihan syor. ii) Pembayar cukai bagi pemilik berstrata tidak menikmati kemudahan penyelenggaraan jalan, lampu, sampah dll. Pemulangan semula dalam bentuk yang bersesuaian perlu dikaji agar mereka dapat menikmati semula duit yang telah mereka bayar. iii) Sekiranya MC atau JMB dapat melaksanakan kutipan dengan

BIL	AHLI MAJLIS	PANDANGAN / CADANGAN
		bagus, pihak MPSJ boleh memberikan sedikit ganjaran untuk mereka.
6.	Encik Yap Kok Weng	<b>Pendapat : Bersetuju</b> Beliau bersetuju dengan usul kerana akan memberi manfaat kepada penghuni kediaman berstrata kos sederhana. Namun demikian, pihak Majlis perlu memperalusi dan mengkaji kaedah dan pulangan yang sesuai agar matlamat usul tercapai dan tidak membebani Majlis.

Puan Yang Dipertua memaklumkan tujuan usul ini adalah untuk membantu golongan berpendapatan sederhana rendah. Perbincangan menunjukkan persetujuan penuh ahli mesyuarat terhadap usul tersebut.

Walau bagaimanapun, perlu dibincangkan dengan lebih teliti terhadap kaedah, pendekatan dan cara pelaksanaannya agar mencapai matlamat asal dan faedah sampai kepada kumpulan sasaran (pemilik kediaman) atau masuk ke dalam akaun *sinking fund* serta tidak disalah guna oleh pihak JMB atau MC.

Perkara ini perlu diperhalusi dan fikirkan pendekatan-pendekatan yang terbaik agar matlamat asal usul tercapai iaitu :

- i) Mengurangkan beban kepada pemilik kediaman berstrata sederhana rendah
- ii) Memberdayakan *Management Cooperation* kerana terdapat MC atau JMB yang tidak mempunyai *sinking fund*.
- iii) Menjadikan MPSJ sebagai Kerajaan Prihatin yang memberi balik kepada pemilik kediaman berstrata apa yang sepatutnya

MPSJ berikan seperti kemudahan yang diperolehi oleh pemilik kediaman atas tanah.

Pihak Majlis akan membuat pengiraan implikasi kewangan serta cara pemulangan semula peruntukan tersebut samada kepada MC (dalam caruman ke dalam sinking fund / kutipan sampah pukal / pembaikan jalan dan lampu dan alat-alat permainan dalam kawasan kediaman) atau penghuni kediaman berstrata (dalam bentuk pengurangan kadar cukai taksiran).

Sekiranya kaedah ini melibatkan dasar contohnya pengurangan kadar ianya perlu dibawa kepada kelulusan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, semua pandangan akan dikumpulkan dan dikaji serta akan dibincangkan dalam Mesyuarat Kewangan agar satu dasar yang kukuh dapat diputuskan.

Puan Pengerusi memaklumkan usul ini diterima dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli majlis serta pandangan Pengurusan beserta dengan kiraan implikasi dan sasaran penerima faedah.

**Tindakan : Jabatan COB /  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

## **6.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Mei 2018** akan diadakan pada **30 Mei 2018 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 27 April 2018

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T**  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                       | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | TPr. Hj. Jaber bin Ami.   | - | "                       |
| 5.  | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir   | - | "                       |
| 6.  | Encik Edwin Lim Hock Lee  | - | "                       |
| 7.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 8.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "                       |
| 9.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 10. | Encik Yap Kok Weng  | - | "                       |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "                       |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan  | - | "                       |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A.                                    | - | "                       |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "                       |
| 15. | Puan Norzaihan binti Ismail   | - | "                       |
| 16. | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "                       |

- |     |                               |   |   |
|-----|-------------------------------|---|---|
| 17. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 18. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 19. | Puan Wong Siew Ki             | - | " |
| 20. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |   |
|----|---|---|---|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong             | - | " |
| 2. | Ir. Izham bin Hashim                    | - | " |
| 3. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy   | - | " |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | " |
| 5. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 6. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu         | - | " |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan



4. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
5. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
6. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
7. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
9. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
10. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
11. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
12. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB
13. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
14. Encik Azfarizal bin Abd Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
15. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
16. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

17. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
18. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
19. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
20. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
21. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
22. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
23. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
24. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
25. Cik Helda Syima binti Abu talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik)
26. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
27. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
28. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
29. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

30. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
31. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
33. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
34. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
35. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
36. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
37. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
38. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
39. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
40. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan  
Awam
41. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan  
Awam

42. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
43. Encik Zamir Umbra bin Shahimi  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
44. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
45. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
46. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
47. Encik Aidil Ifni bin Supar  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
48. Puan Salihah binti Ramli  
Penolong Pengarah , Jabatan Undang-Undang
49. Cik Roshaira binti Rosly  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
50. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman  
Penolong Penagraah, Jabatan Undang-Undang

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan